

Media : Berita Harian

Date : 11 Julai 2023



**AJINOMOTO (M) Berhad (AMB)** meneruskan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran kepada rakyat Malaysia dengan "Makan Sihat, Hidup Aktif" sempena Bulan Nutrisi Malaysia (NMN) 2023 yang kembali secara fizikal dari 22 hingga 25 Jun 2023 di Sunway Velocity Mall di Kuala Lumpur. Pada tahun ini, AMB sekali lagi memainkan peranan sebagai penaja utama bagi NMN 2023, menandakan penglibatan kelima berturut-turut dalam program

yang dianti-nantikan itu. Ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Penciptaan Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV) dalam mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Sepanjang program itu, AMB menyasarkan untuk mendidik orang ramai mengenai gaya hidup yang lebih sihat dengan menggalakkan pengurangan penggunaan garam dan menggunakan Perencah Umami AJI-NO-MOTO. Produk

## Ajinomoto Malaysia Mempromosikan "MAKAN SIHAT, HIDUP AKTIF"

ini mampu mengurangkan pengambilan sodium sehingga 40 peratus dengan mengkalakan kelazatan makanan.

Selain amalan pemakanan yang sihat, senaman juga membantu membina otot yang lebih baik, membawa kepada gaya hidup yang lebih aktif dan membolehkan orang ramai menjalankan pelbagai aktiviti harian dengan mudah. Semasa program itu, AMB turut mempromosikan minuman sukan berperisa jeli epal aminoVITAL yang dirumus dengan Asid Amino Rantai Bercabang (BCAA) untuk meningkatkan prestasi senaman, menguatkan daya tahan otot, meningkatkan pemulihan otot dan

mengurangkan keletihan otot.

Selain itu, terdapat pelbagai pameran interaktif, video dan bahan pendidikan di resmi pameran AMB semasa acara tersebut termasuk pertandingan permainan, merasa sampel makanan, peragaan dan banyak lagi.

AMB berharap melalui inisiatif ASV ini, ia dapat memupuk dan menggalakkan tabiat "Makan Sihat, Hidup Aktif" dalam kalangan rakyat Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman Facebook AMB @MyAjinomoto atau @Hi\_Ajinomoto MY dan laman web di: [www.ajinomoto.com.my](http://www.ajinomoto.com.my).